



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

PGT223 - KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 1

SEMESTER 1

SIDANG AKADEMIK 2019/2020

TAJUK :

LAPORAN LENGKAP SIMULASI PENGAJARAN

NAMA AHLI :

IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI	136361
NURUL ZUHEINNA BINTI TAN TECK FUI	136485
JURIANA BINTI ISMAIL	136365
MOHLIZA BINTI MD. ALI	136388

NAMA PENSYARAH :

PROF. MAD. DR. AZIAH BINTI ISMAIL



1.0 PENGENALAN


Tujuan kaedah simulasi adalah untuk meningkatkan kebolehan murid mengaplikasikan konsep-konsep tertentu dalam penyelesaian masalah. Simulasi adalah satu situasi yang diwujudkan supaya menyerupai situasi sebenar tetapi dalam bentuk yang dipermudahkan, diringkaskan atau dikecilkan supaya masalah atau isu yang berkaitan lebih mudah diselesaikan. Murid mengambil bahagian dalam simulasi dengan cara memainkan peranan individu atau pihak yang terlibat mengikut peraturan atau prosedur yang ditentukan oleh guru. Simulasi digunakan bersama-sama dengan kaedah buku teks, perbincangan dan penyolatan.


Dalam kursus PGT223 Kaedah Mengajar Geografi I, kami telah menjalankan simulasi pengajaran bagi memenuhi keperluan kursus. Simulasi pengajaran ini dijalankan secara berkumpulan yang terdiri daripada empat orang ahli. Skop simulasi pengajaran ini merangkumi DSKP tingkatan 1. Kami telah memilih tema Kemahiran Geografi bertajuk Arah. Sebelum melakukan simulasi pengajaran ini, kami diminta untuk menemu bual beberapa orang murid sekolah untuk mengenal pasti kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru geografi mereka semasa sesi pengajaran di dalam bilik darjah. Melalui temu bual ini, kami akan mengenal pasti tahap penerimaan mereka terhadap kaedah yang dilakukan oleh guru geografi mereka semasa mengajar di dalam bilik darjah. Setelah itu, temu bual ini dianalisis dan kami berusaha untuk mencari kaedah yang sesuai bagi mengatasi masalah yang dialami oleh murid.

Seterusnya, kami menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang lengkap dengan mengambil kira kaedah pengajaran yang sesuai untuk menyelesaikan masalah murid bermula dari set induksi sehingga rumusan. Kami telah membuat rakaman dalam menjalankan simulasi pengajaran ini. Kemudian simulasi ini dinilai oleh pensyarah berdasarkan sejauhmana keberkesanan kaedah yang kami laksanakan dalam simulasi pengajaran. Komen yang diberikan ini telah diambilkira untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

2.0 TEMU BUAL MURID







3.0 ANALISIS TEMU BUAL MURID

I. OBJEKTIF TEMU BUAL

Temu bual ini dijalankan ke atas lima orang murid tingkatan satu yang berasal daripada sekolah yang berbeza. Setiap ahli dalam kumpulan melakukan temu bual satu atau dua murid dengan menggunakan rangkaian media sosial iaitu melalui aplikasi *whatsApp*.

Temu bual ini dilakukan adalah untuk:

1. Mengetahui pasti persepsi murid tentang mata pelajaran geografi.
2. Mengetahui pasti cara atau kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru geografi semasa sesi pengajaran di dalam bilik darjah.
3. Mengetahui pasti tahap penerimaan mereka terhadap cara dan kaedah yang dilakukan oleh guru mereka di dalam bilik darjah.

II. MASALAH DAN KEKURANGAN YANG DIHADAPI OLEH MURID SEMASA GURU MEREKA MENGAJAR

Berdasarkan kelima-lima temu bual yang telah dijalankan ke atas beberapa murid tersebut, kami mendapati bahawa mereka sememangnya menyukai mata pelajaran Geografi di sekolah. Namun begitu, terdapat beberapa persepsi ketidakpuasan hati mereka terhadap mata pelajaran Geografi. Sebagai contoh, adik Farhan menyatakan bahawa dia mempunyai sedikit kesukaran dalam mengingat atau menghafal sesuatu konsep dan fakta dalam mata pelajaran Geografi ini. Namun begitu adik farhan menyatakan bahawa dirinya suka dengan cara pengajaran cikgu mata pelajaran Geografi di sekolahnya.

Selain itu, adik Izati menyatakan bahawa cikgu Geografinya hanya melakukan kaedah bercakap da menerang apabila mengajar di dalam biik darjah. Pada pendapat kami jika seorang guru hanya menggunakan kaedah menerang dan bercakap di dalam sesi pengajaran, murid akan mudah berasa bosan dan situasi ini bukanlah satu yang baik daripada murid. Oleh itu, kumpulan kami merasakan bahawa kaedah yang baru perlu diperkenalkan semasa menerang di dalam kelas bagi mengatasi kekurangan ini. Selain itu, masalah yang dihadapi oleh adik Izati pula ialah guru yang mengajar mata pelajaran Geografi tidak pernah melakukan aktiviti secara berkumpulan di dalam kelas. Oleh itu, kumpulan kami telah mengenalpasti bahawa guru Geografi yang mengajar di kelasnya tidak pernah melakukan aktiviti dalam sesi pengembangan semasa mengajar di dalam kelas. Keadaan ini memberi kesan kerana pelaksanaan aktiviti dalam sesi pengembangan sangat penting sejajar dengan kehendak standard prestasi yang perlu dicapai oleh murid. Jika sesi pengembangan tidak dilakukan dengan baik, seorang guru tidak akan dapat mengukur sejauhmana objektif pembelajaran dapat dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan pada hari tersebut.

III. SOLUSI YANG DILAKUKAN BAGI MENGATASI MASALAH DAN KEKURANGAN YANG DIHADAPI OLEH MURID

Pada pendapat kami, bagi penyelesaian atau penambahbaikan untuk masalah adik Farhan, guru yang mengajar mata pelajaran Geografi tersebut perlulah memperkenalkan beberapa formula ataupun kaedah yang memudahkan murid untuk mengingat konsep-konsep yang terkandung dalam mata pelajaran Geografi. Hal ini termasuklah kaedah menyanyi, bercerita dan mencipta akronim untuk memudahkan murid mengingat konsep dan fakta dengan mudah dan tepat. Walau bagaimanapun, adik Farhan juga sebaiknya perlu mencipta kaedah pembelajaran sendiri yang memudahkannya untuk mengingat sesuatu konsep atau fakta. Oleh itu, berdasarkan simulasi pengajaran yang telah kami lakukan, kami mengambil langkah untuk memudahkan konsep-konsep atau fakta menerusi aktiviti penerangan. Kumpulan kami telah mencipta kaedah menghafal dengan cara yang lebih mudah iaitu menggunakan kaedah yang mewakili kehidupan seharian, penghasilan akronim dan penghafalan menggunakan lagu. Dengan adanya kaedah seperti ini, kami pasti bahawa murid akan mudah mengingat sesuatu konsep dan fakta yang terdapat dalam mata pelajaran Geografi ini. Tambahan pula, murid akan lebih seronok dan menimbulkan minat untuk belajar.

Seterusnya bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh adik Izati pula iaitu gurunya hanya menggunakan kaedah bercakap dan menerang semasa mengajar mata pelajaran Geografi, kumpulan kami telah mengambil langkah dengan melakukan kaedah penggunaan papan putih, paparan slaid dan juga tayangan gambar untuk memastikan penerangan yang dilakukan mudah difahami oleh murid. Melalui sesi simulasi pengajaran kami, penggunaan papan putih sangat berguna untuk menjelaskan maklumat penerangan kepada murid. Tayangan gambar melalui paparan slaid pula membantu murid untuk melihat di samping dapat membayangkan sesuatu situasi atau objek dalam ilustrasi yang sebenar. Kumpulan kami juga telah menggunakan bahan bantu mengajar seperti kompas untuk memastikan murid mengetahui keadaan wujud sesuatu alat kemahiran dalam geografi. Tambahan pula, adik Izati juga mengalami masalah iaitu guru yang mengajar mata pelajaran Geografi tidak pernah mengambil inisiatif untuk menjalankan aktiviti berkumpulan di dalam bilik darjah. Oleh itu, semasa sesi simulasi pengajaran, kumpulan kami telah bersetuju untuk menjalankan aktiviti berkumpulan yang sangat menarik dan berkesan. Sebagai contoh, melalui sesi

pengembangan, seorang murid dapat mengaplikasikan pengetahuan yang mereka dapat semasa guru menerang di awal sesi pengajaran. Intipati yang telah diterangkan oleh guru semasa sesi penerangan dapat diaplikasikan oleh murid dalam menjalankan aktiviti dalam sesi pengembangan iaitu dengan seperti menggunakan formula yang diberikan dalam mengingati arah dan mengaplikasikan cara penggunaan kompas dalam menentukan arah sesuatu objek. Melalui aktiviti ini juga, guru dapat menilai sejauh mana pemahaman murid dalam menggunakan kompas sebenar dalam menentukan arah. Hal ini sekaligus membolehkan guru untuk menilai sama ada sesuatu objektif pembelajaran tersebut tercapai ataupun tidak.

Secara keseluruhannya, sebagai seorang bakal guru mata pelajaran Geografi, kami seharusnya menghasilkan lebih banyak aktiviti yang menarik di dalam kelas. Bukan itu sahaja, murid-murid juga boleh dibawa keluar dari bilik darjah untuk mempelajari sesuatu berdasarkan alam sekitar sesuai dengan topik yang terkandung dalam mata pelajaran Geografi ini. Sebagai seorang bakal guru juga, kaedah menerang juga hendaklah diselitkan dengan pelbagai unsur-unsur menarik perhatian seperti bercerita, bernyanyi, menggunakan pelbagai formula dan lain-lain lagi untuk menarik minat murid dan menggelakan mereka bosan dan tertidur di dalam kelas.

4.0 RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

5.0 SIMULASI PENGAJARAN

<https://www.youtube.com/watch?v=YSjK8XKQdWQ>

&

<https://www.youtube.com/watch?v=TGfTslu0y2Y&feature=youtu.be>

6.0 REFLEKSI INDIVIDU

Nama : **IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI**
No matrik : **136361**

Melalui simulasi pengajaran ini, saya telah memperoleh banyak manfaat antaranya dapat meningkatkan kemahiran mengajar mata pelajaran Geografi. Sebelum melaksanakan simulasi pengajaran ini, kami diminta untuk mendapatkan temu bual murid bagi mengetahui cara pembelajaran guru di sekolah mereka. Setelah mengenal pasti cara pembelajaran guru di sekolah, kami diminta untuk menghasilkan kaedah baru yang lain daripada cara pembelajaran guru di sekolah mereka agar lebih menyeronokkan dan meningkatkan minat mereka terhadap topik yang dipelajari. Kaedah ini amat berguna bagi saya kerana kaedah lama suda tidak relevan lagi dalam pengajaran geografi kerana murid-murid lebih suka dengan aktiviti yang pelbagai berbanding guru hanya menerangkan topik pengajaran.

Setelah menemu bual dan menghasilkan kaedah pengajaran yang sesuai untuk murid-murid, Rancangan Pengajaran Harian dihasilkan. Dalam mengajar sesuatu topik dalam mata pelajaran Geografi ini, tidak semua isi kandungan pengajaran perlu diajar pada hari yang sama. Oleh itu, kami diminta untuk merujuk Rancangan Pengajaran Tahunan bagi melihat minggu yang sepatutnya diberikan ke atas topik tersebut untuk diajar. Barulah pengajaran hari tersebut tidak padat dan murid dapat menguasai sesuatu topik secara perlahan-perlahan dan holistik. Pengajaran pada hari tersebut juga tersusun dan murid-murid dapat mengikuti pengajaran pada hari tersebut. Rujukan RPT ini sedikit sebanyak telah memberi pengetahuan kepada saya tentang cara untuk mengajar topik-topik yang susah dan senang mengikut masa yang ditetapkan.

Akhir sekali, semoga dengan ilmu yang diberikan dalam kaedah mengajar ini dapat diaplikasikan semasa menjadi guru mata pelajaran Geografi kelak. Semoga saya dan rakan-rakan lain mampu menjadi guru yang bukan sahaja disayangi, tetapi juga guru yang mampu mengajar murid dengan lebih berkesan.

Nama : **NURUL ZUHEINNA BINTI TAN TECK FUI**
No matrik : **136485**

Berdasarkan simulasi pengajaran PGT223 iaitu Kaedah Mengajar Geografi 1 yang telah kami jalankan, terdapat banyak manfaat yang telah diperolehi. Antaranya ialah, saya dapat memperbaiki cara untuk membina Rancangan Pengajaran Harian dengan lebih baik berbanding sebelum ini. Selain itu, saya juga telah mempelajari pelbagai kaedah atau cara yang sesuai untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran kelas. Sebagai contoh, kami telah menemubual beberapa orang murid untuk mengetahui sama ada mereka mempunyai masalah terhadap cara pengajaran guru Geografi yang mengajar di sekolah mereka. Kemudian, berdasarkan masalah yang telah kami kenalpasti, kami sekumpulan telah mengambil langkah penyelesaian dengan mencari kaedah yang bersesuaian untuk mengatasi masalah mereka. Kaedah tersebut kami aplikasikan di dalam simulasi pengajaran yang kami lakukan. Antara kaedah yang kami gunakan ialah menyanyi untuk memudahkan murid mengingat arah, formula menggunakan akronim dan mempelbagaikan aktiviti dalam pengajaran. Secara individu, melalui simulasi pengajaran ini juga, saya dapat mempelajari ilmu dan kemahiran yang perlu ada pada seorang guru semasa menjalankan pengajaran. Komen-komen yang diberikan oleh Dr. Aziah pula banyak membantu saya dalam memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam diri untuk mengajar di sekolah pada masa akan datang.

Saya juga sangat bersyukur dan berterima kasih kerana sepanjang membuat persediaan untuk simulasi pengajaran ini, terdapat kawan-kawan seperjuangan yang bersama-sama bertungkus-lumus dalam menyumbangkan idea dan tenaga sehingga simulasi pengajaran ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Nama : **JURIANA BINTI ISMAIL**
No matrik : **136365**

Melalui kursus ini, saya telah memperoleh banyak maklumat baharu berkaitan dengan simulasi pembelajaran untuk diaplikasikan pada masa yang akan datang di dalam bilik darjah yang sebenar. Sebelum kami melakukan simulasi pengajaran, kami sekumpulan yang terdiri dariapa saya sendiri, Ibnu Sany, Nurul Zuheinna dan Mohliza diminta untuk membuat Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berdasarkan temubual beberapa murid tingkatan 1 berkaitan minat akan mata pelajaran geografi. RPH juga dibuat merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk memastikan simulasi pengajaran dapat mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, dalam RPH tersebut, kami telah membahagikan kepada beberapa bahagian untuk setiap ahli kumpulan mengambil bahagian dalam pengajaran simulasi iaitu bermula dengan set induksi, penerokaan, penerangan, pengembangan dan rumusan. Kami sekumpulan dengan jayanya telah menghasilkan satu simulasi pengajaran dengan baik dan dapat komen yang positif daripada Dr. Aziah. Oleh itu, saya dan rakan-rakan seperjuangan telah memperoleh banyak manfaat melalui kursus ini serta dapat membayangkan suasana sebenar dalam bilik darjah. Saya berharap agar semua kemahiran serta kaedah-kaedah yang telah dipelajari dapat diaplikasikan dalam pengajaran di masa yang akan datang.

Nama : **MOHLIZA BINTI MD. ALI**
No matrik : **136388**

Semasa mengambil kursus PGT 223 iaitu kaedah mengajar Geografi 1 kami telah menjalankan simulasi pengajaran secara berkumpulan dengan perbandukan kepada Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang kami hasilkan sendiri dengan berpandukan tunjuk ajar daripada pensyarah kami iaitu Profesor Madya Dr. Aziah Binti Ismail. Terdapat banyak manfaat yang saya perolehi daripada simulasi pengajaran ini salah satunya ialah saya dapat menjalankan temu bual bersama murid yang mengambil mata pelajaran Geografi. Saya mendapat peluang untuk menanyakan kepada mereka mengenai masalah dan kekurangan yang mereka hadapi semasa guru mereka mengajar mata pelajaran Geografi di dalam kelas.

Melalui masalah yang murid tersebut hadapi kami mengambil inisiatif untuk menggunakan kaedah baru dan menarik dalam mengajar mata pelajaran geografi yang akan dipersembahkan di dalam simulasi pengajaran. Simulasi pengajaran yang kami jalankan adalah secara berkumpulan dan merangkumi bahagian pengajaran yang bermula daripada set induksi sehingga bahagian rumusan. Semasa sesi pengajaran berlangsung saya menggunakan kemahiran sedia ada untuk mengajar, Sebagai contoh semasa murid hendak melakukan aktiviti meneroka berkaitan tajuk pembelajaran saya memberikan arahan yang jelas agar murid mudah memahami dan menyelesaikan aktiviti tersebut.

Secara keseluruhan, simulasi pengajaran ini dapat membantu saya dan rakan-rakan untuk melihat sejauhmana kebolehan dan kemahiran kami dapat ditonjolkan apabila mengajar di dalam bilik darjah. Melalui ilmu yang kami perolehi berkaitan dengan kaedah mengajar geografi, kami dapat mengaplikasikan ilmu dan kemahiran tersebut semasa mengajar. Komen yang kami perolehi daripada pensyarah berkaitan dengan simulasi yang kami hasilkan juga adalah sangat positif kerana kami sekumpulan berjaya menghasilkan simulasi pengajaran yang cemerlang dan berkesan kepada murid.